

## **STESEN BERSEPADU ECRL- KTM PEMANGKIN PEMBANGUNAN MASA DEPAN TEMERLOH**

**KUANTAN, 11 JUN 2021:** Projek Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL) akan membantu pertumbuhan ekonomi negara berkembang lebih rancak menerusi keupayaan mengangkut lebih banyak kargo dari Pelabuhan Kuantan di Kuantan, Pahang menuju ke Pelabuhan Klang di Selangor.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang, YB Dato Sri Mohd Sharkar Shamsudin berkata, Laluan ECRL dari Kuala Lumpur menuju Kelantan menerusi Pahang dan Terengganu bakal membuka lembaran baharu dari segi kemajuan pengangkutan awam sekali gus 'new horizon' kepada Malaysia.

Beliau yang juga Ahli Dewan Negeri Lanchang berkata, kawasan penempatan awam yang menjadi stesen perhentian ECRL juga akan menikmati impak positif sekali gus mempengaruhi pembangunan ekonomi sekitar termasuk di daerah Temerloh.

Menurutnya, daerah Temerloh juga bakal berubah wajah kerana kawasan ini turut terlibat dengan pelaksanaan projek berimpak tinggi berkenaan.

"Rakyat di Temerloh cukup bertuah kerana di daerah ini merupakan lokasi adanya pertemuan antara Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan juga ECRL.

"Jadi kita telah mencadangkan supaya pertemuan itu digunakan sebaik mungkin dan perlu dibina sebuah stesen bersepadu di daerah Temerloh," katanya menerusi satu hantaran di Facebook beliau, hari ini.

Beliau berkata, menerusi stesen bersepadu itu nanti, ia boleh dimanfaatkan oleh rakyat untuk memilih sama ada menggunakan perkhidmatan KTM atau ECRL sekaligus mampu melonjakkan sektor pelancongan di sini dan menjadi penggerak baru ekonomi di Temerloh.

“Insya Allah kita akan merancang pembangunan di sekeliling stesen bersepadu itu, wujudnya bandar-bandar baharu yang lebih tersusun. Dengan jangka masa kira-kira satu jam sahaja ke Kuala Lumpur, selepas ini tidak mustahil individu yang menetap di Temerloh boleh bekerja di Kuala Lumpur dengan menaiki ECRL,” katanya.

Beliau juga berkata, dengan wujudnya stesen bersepadu di daerah Temerloh, kawasan ini bakal mengalami pembangunan pesat baik dari sudut sosio-ekonomi, infrastruktur, pelancongan dan peluang pekerjaan.

Menurut beliau, semua itu demi pembangunan masa depan Temerloh untuk menjadi sebuah daerah berkembang maju dan setiap rakyatnya menerima kesan daripada limpahan ekonomi yang wujud di kawasan berkenaan.-**PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang**  
**#Pahang1st**  
**#KerajaanNegeriPahang**  
**#PahangGo**

(LIPUTAN BERGAMBAR)



# EAST COAST RAIL LINK

